

**MCA menentang Perkasa, tapi terima 'taubat' Zul Noordin, kata Soi Lek
Malaysian Insider
May 2, 2013
Oleh Zurairi AR**

KUALA LUMPUR, May 2 — Datuk Seri Dr Chua Soi Lek hari ini berkata MCA menerima naib presiden Perkasa Datuk Zulkifli Noordin sebagai calon Barisan Nasional (BN), walaupun sekeras-kerasnya menolak kumpulan berhaluan kanan Melayu tersebut.

Maklum balas oleh presiden MCA tersebut susulan iklan hitam putih yang diletak oleh DAP dalam akhbar harian Cina, Sin Chew Daily dan China Press yang mengatakan undi kepada MCA adalah undi untuk Umno dan Perkasa.

"MCA menentang Perkasa ... Dalam kes Shah Alam dia mengamalkan politik pelampau semasa dia dalam PAS. Lepas dia masuk BN dia sudah insaf dan bertaubat," kata Dr Chua (gambar) kepada wartawan merujuk kepada Zulkifli yang bertanding di kerusi majoriti Melayu, Shah Alam sebagai calon dipilih secara terus oleh BN.

"Orang yang minta maaf secara terbuka kita terima dengan ikhlas, semua agama buat demikian."

Dr Chua juga menghentam DAP kerana mengelirukan pengundi dengan mengatakan satu undi kepada MCA sama dengan satu undi kepada Perkasa, memandangkan kedua-dua organisasi tidak mempunyai kaitan.

Dalam pada itu, Dr Chua berkata ia berbeza dengan mengatakan satu undi kepada DAP adalah satu undi untuk PAS kerana kedua-dua mereka adalah rakan dalam gabungan pembangkang Pakatan Rakyat (PR). Keputusan BN meletak Zulkifli, penyandang kerusi Parlimen Kulim Bandar Baharu yang juga pernah menjadi peguam kepada Ketua Umum PKR Datuk Seri Anwar Ibrahim, terpalit dengan kontroversi sejak dipilih di Shah Alam.

Video menunjukkan Zulkifli menggunakan perkataan "Keling", yang masyarakat India rasakan sebagai penghinaan kaum, tersebar baru-baru ini, beberapa hari selepas satu lagi video menyaksikan beliau mempersoalkan seorang peniaga India mengapa tuhan Hindu tidak menyelamatkan kedainya daripada banjir, menyebabkan kemarahan penganut Hindu.

Zulkifli mengakui kesilapannya itu dan meminta maaf serta mendakwa mengeluarkan kata-kata tersebut semasa bersama PAS.

Zulkifli menjadi ahli parlimen bebas mesra BN dan kritikal terhadap Pakatan Rakyat (PR) apabila beliau dipecat PKR pada 6 Mac 2010 ekoran laporan polis beliau ke atas penyandang ahli parlimen Shah Alam Khalid Abdul Samad.

Beliau juga memberitahu fz.com yakin "101 peratus" akan menang kerusi Shah Alam mengalahkan calon PAS yang memenangi kerusi itu pada pilihan raya umum 2008.

Fokus terarah kepada Selangor, yang dikatakan nadi kepada kepesatan ekonomi dan pentadbiran PR dibawah Menteri Besar (MB) sepenggal Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim yang didakwa oleh BN gagal mempamerkan prestasi baik untuk mengekalkan sokongan seperti pada tahun 2008 lalu.

PR selepas pilihan raya umum 2008 mempunyai penguasaan yang ketara keatas negeri terkaya tersebut dan memegang 36 kerusi daripada 56 kerusi dewan undangan negeri serta 17 daripada 22 kerusi parlimen.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/mca-menentang-perkasa-tapi-terima-taubat-zul-noordin-kata-soi-lek/>